

10 FEB 1998

ANGGOTA UMNO DIMINTA TUNGGU KEPUTUSAN MT

JELI, 10 Feb (Bernama) -- Anggota Umno hari ini diminta bersabar dan bertenang sementara menunggu keputusan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno berhubung saranan supaya jawatan ketua bahagian, khususnya di Kelantan tidak dipertandingkan pada pemilihan kali ini.

Anggota MT Datuk Mustapa Mohamed berkata sehingga keputusan dibuat anggota Umno diminta jangan terlalu ghairah dalam membuat sebarang tindakan.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Ketua Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang menyarankan supaya dibenarkan pertandingan di bahagian-bahagian yang memerlukan perubahan pemimpin.

Mustapa yang juga Menteri Pembangunan Usahawan berkata masalah dan pandangan sepatutnya disalurkan kepada MT bagi membolehkan ia dibincangkan bagi kepentingan bersama.

"Kalau ada masalah dan pandangan, kita bincang dalam MT, sementara itu relaxlah, akur kepada keputusan, bersabar, bertenang dan jangan ghairah," katanya.

Isu pertandingan itu menimbulkan pelbagai reaksi apabila Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Kelantan pada 26 Jan lepas, mengumumkan supaya tidak ada pertandingan bagi jawatan tertinggi bahagian sebaliknya ianya diputuskan melalui rundingan.

Sesetengah pihak mengharapkan supaya pertandingan dibenarkan bagi membolehkan perubahan pucuk pimpinan dibuat bagi kepentingan parti. --

BERNAMA

RAR RI